

Bantu tingkat imej hospital

Pelantikan jawatankuasa ALP Hospital Banting baharu dilihat mampu tangani isu perkhidmatan

BANTING - Pelantikan Ahli Jawatankuasa Ahli Lembaga Pelawat (ALP) Hospital Banting yang baharu dilihat membantu meningkatkan lagi imej Hospital Banting sebagai sebuah hospital yang terbaik tanpa berdepan dengan isu perkhidmatan.

Pengerusinya, Chow Siew Weng, 48, berkata, beliau yang menerajui kepimpinan kali ini bercadang meletakkan seorang ahli jawatankuasa di Hospital Banting pada setiap hari sebagai pemantau bagi tujuan meningkatkan sistem perkhidmatan ALP.

"Pemantauan akan dilakukan secara bergilir-gilir setiap hari memandangkan ALP sekarang mempunyai 15 ahli dan bakal bertambah kepada 18 orang dalam

masa terdekat.

"Kita sudah pun berunding dalam Mesyuarat Surat Pelantikan dan Kad Baru ALP Hospital Banting bagi sesi Januari hingga Disember 2019 untuk melaksanakan pemantauan ini," katanya.

Siew Weng atau lebih dikenali sebagai Michael berkata, setakat ini jawatankuasa merancang untuk melibatkan seorang ALP bagi membuat pemantauan sehingga dua kali sebulan.

"Pelaksanaan itu nanti melibatkan seorang ALP yang memantau dua kali sebulan atau kurang. Tapi setakat ini kita meneruskan perancangan terdahulu termasuk menyambut baik projek bangunan baru lima tingkat yang akan dibangun-



Siew Weng (tiga, kanan) bersama Pengarah Hospital Banting, Dr Sabrina Che Ab Rahman (dua, kanan), kakitangan Hospital Banting dan sebahagian ahli ALP yang hadir.

kan di hospital ini.

"Selain itu, kita akan beri imej mesra rakyat kerana tak mahu pelanggan hospital melabelkan ALP sebagai satu jawatankuasa yang pasif semata-mata sebalik-

nya mewujudkan hubungan dua hala dengan lebih berkesan," katanya.

Menurutnya, pelanggan hospital juga disarankan memberi pandangan pada saluran yang betul dan ber-

hubung terus dengan ALP sekiranya mempunyai masalah.

Sementara itu, Siew Weng dilantik menggantikan Pengerusi ALP terdahulu, Abdul Razak

Khasbullah dan mengakui tugasnya membabitkan tanggungjawab yang besar selain ALP berperanan menjadi orang tengah antara pelanggan dan pihak atasan.

PASARAYA BESAR
CHECKERS
HYPERMARKET
(564429-W)

PROMOSI 16^{hb} HINGGA 18^{hb} JUN 2017

*Semua transaksi dalam Rangkaian Malaysia termasuk GST. Terletak kepada Terma dan Syarat. Sementara stok masih ada.

SHAH ALAM 03-5511 2255 | JALAN KLANG LAMA 03-7781 8333 | CHERAS 03-9200 8222 | CHECK ON US! | CHECK ON OUR PRICE! | CHECK ON OUR VARIETY! | CHECK ON OUR QUALITY! | WWW.CHECKERS.COM.MY

1.79 /BTL Fanta 1.5L Assorted	1.95 /UNIT Keluarga Krimer Manis/Sejat 500g	2.59 /UNIT F&N Vitamin KM 500g	9.59 /UNIT Lipton Teabags 100's	14.99 /UNIT Knorr Chicken Stock 1kg	16.99 /UNIT Kacang Tanah 2.5kg
4.99 /PAPAN Telur Ayam Gred C x 30's	2.99 /UNIT Buttercup 250g	19.99 /UNIT Planta 2.5kg	3.99 /UNIT Sri Nona Ketupat 780g / Sri Nona Ketupat Mini 600g	25.99 /UNIT Rambutan Beras (Oren) 10kg	33.99 /UNIT Jasmine Beras Basmathi King 5kg
2.99 /PAPAN Telur Ayam Gred E x 30's	3.99 /UNIT Farm's Best Chicken Meat Balls 400g Assorted	14.99 /1/5KG ± Frozen Ketam 2/3	39.99 /10KG ± Frozen Ikan Sardin 6/8	59.90 /10KG ± Frozen Ikan Kembong 4/5	69.99 /10KG ± Frozen Scallop
6.99 /UNIT Kurma Madu Azewa (Hitam) 400g ±	1.99 /PKT Omax PP Plate 7" x 20's	2.99 /UNIT 1188 Nylon Broom with Wooden Handle	12.99 /UNIT WDP799 Water Dispenser 7L	2.99 /UNIT Glo Dishwash 900ml Assorted	28.49 /UNIT Pet Pet Mega S/M/L/XL